

# Kementerian tidak berkompromi isu kualiti program IPTA-IPTS

**K**EMENTERIAN Pengajian Tinggi tidak akan berkompromi mengenai isu kualiti Program Kerjasama Institusi Pengajian Tinggi Awam-Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTA-IPTS) dengan membenarkan kelonggaran syarat pelaksanaannya.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi, menegaskan kualiti program pengajian di kolej kerjasama perlu sama dengan kampus induk supaya tidak berlaku pelajar enggan belajar di IPTS terbabit.

Beliau berkata, kegagalan kolej terbabit menyediakan pendidikan berkualiti dan persekitaran belajar yang kondusif juga akan menjelaskan reputasi universiti induk.

"Kita tidak harus berkompromi sedikit pun mengenai isu kualiti. Bagi Program Kerjasama IPTA-IPTS, tiada perbezaan dari segi kualiti dan sijil dikeluarkan IPTA, perincian hanya diketahui melalui transkrip sama ada ia dibuat secara dalaman atau kerjasama.

"Jika pengiktirafan kolej kerjasama ditarik balik, maka pengiktirafan oleh IPTA juga akan ditarik balik. Ini kerana ia dikawal sepenuhnya oleh Senat IPTA yang menawarkan program kerjasama berkenaan."

"Justeru, syarat kemasukan, kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, kawal selia, serta penaksiran harus serupa. JPT tidak akan membenarkan amalan 'double standard' dalam hal ini," katanya.

Beliau mengulas cadangan kelonggaran syarat oleh Persatuan Kebangsaan Bumiputera IPTS Malaysia bagi mengelakkan lebih banyak kolej menarik diri



Dr Radin Umar Radin Sohadi

daripada pelaksanaan program berkenaan.

Mengenai cadangan IPTA menilai kemudahan disediakan kolej sejar bilangan pelajar dan program dijalankan IPTS, Radin Umar berkata;

"Ia bertentangan konsep francais program ini iaitu kualiti pendidikan di IPTS perlu sama dengan universiti induk, selain mematuhi syarat Kerangka Kelayakan Malaysia dan mencapai tahap minimum Agensi Kelayakan Malaysia.

"Tidak ada jalan kedua dalam perniagaan bidang pendidikan, justeru, saya ingin mengingatkan IPTS supaya benar-benar komited dalam melaksanakan program kerjasama berkonseptan francais ini.

"Sebagai contoh, jika kita beli burger di restoran francais McDonald, tiada perbezaan rasa, rupa serta kualiti di cawangan restoran itu seluruh negara. Justeru, kualiti kolej kerjasama juga harus setanding dengan kampus induk."

Mengenai bayaran francais ditetapkan IPTA yang dikatakan mahal, beliau menasihatkan IPTS supaya berunding dengan universiti terbabit bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Katanya, autonomi terpimpin yang diberi kepada IPTA membolehkan mereka mendapatkan persetujuan dan mencapai jalan penyelesaian terbaik bagi isu itu menerusi perbincangan antara kedua-dua pihak.

"Semua penyedia perkhidmatan pendidikan terutama IPTS diingatkan supaya tidak mengutamakan keuntungan dan membelaikan kualiti jika ingin terus kekal dalam perniagaan bidang penjanaan modal insan ini.

"Banyak kaedah boleh dilakukan bagi memastikan mereka dapat menyediakan pendidikan mampu diikuti. JPT bersedia memudahkan prosedur berkaitan tanpa berkompromi mengenai sistem tadbir urus dan kualiti," katanya.

Mengenai penyerataan IPTS yang semakin berkurangan, Radin Umar berkata, selain dilihat dari segi positif, ia menandakan hanya kolej berwibawa, berintegriti dan berkualiti yang mampu kekal menjalankan program berkenaan.

Malah katanya, ia juga secara tidak langsung memberi jaminan bahawa hanya perkhidmatan pendidikan berkualiti disediakan untuk akses pelajar.

"Saya mencadangkan IPTS bekerja keras dan membuktikan kewibawaan dan komitmen mereka supaya boleh dipertimbangkan ke tahap lebih tinggi khususnya sebagai kolej universiti dan akhirnya universiti penuh.

"Jika tidak, lebih banyak akan tersingkir seperti yang berlaku kepada 27 kolej swasta yang ditamatkan lesen mereka sejak setahun lalu," katanya.